

# Seruan penting Sri Paus:

# Hidupkan kembali ADORASI



**L**ISBON: Dari Lisbon, Portugal, Sri Paus Fransiskus menyampaikan renungan hari Rabu betapa pentingnya doa Adorasi di hadapan Sakramen Mahakudus untuk memulihkan semangat penginjilan.

Renungan itu ditujukan kepada para uskup, paderi, diakon, religius dan seminarian pada Ogos 2, 2023. Sri Paus Fransiskus berada di Lisbon sempena Hari Belia Sedunia yang berlangsung pada Ogos 1-6.

"Saya ingin bertanya soalan di sini, tetapi masing-masing harus menjawabnya dengan jujur – Bagaimana saya berdoa? Adakah saya berdoa seperti burung kakak tua — bla bla bla? Atau tidur sebentar di hadapan tabernakel kerana saya tidak tahu apa yang harus dikatakan kepada Tuhan? Hanya melalui Adorasi, hanya apabila kita berada di hadapan Tuhan, semangat dan keterujaan kita untuk menginjil dapat dipulihkan," kata Sri Paus Fransiskus semasa menyampaikan homili untuk Ibadat Senja di Biara Jerónimos, Lisbon.

Bapa Suci menambah, "untuk percaya setiap hari kepada Tuhan dan kepada firman-Nya, kata-kata tidak mencukupi sebaliknya banyak doa yang diperlukan."

Prelatus itu mengatakan kepada kira-kira 1,100 hadirin bahawa Gereja telah mengabaikan doa di hadapan Sakramen Mahakudus.

"Sayang sungguh, kita mulai kehilangan sikap menyembah Tuhan dalam Adorasi. Oleh itu, semua uskup, paderi, rohaniwan dan orang awam, kita perlu mengembalikan dan memulihkan semula budaya mencintai Adorasi di hadapan Sakramen Mahakudus," desak Sangti Papa.

## Adorasi – rahmat ketahanan sampai akhir

Bapa Suci menjemput hadirin untuk meneladani Sta Teresa dari Kalkuta, yang, walaupun "mempunyai banyak perkara untuk dilakukan setiap hari dan imannya kerap dicubai, tetapi beliau tidak pernah meninggalkan Adorasi."

"Jadi, dalam doa kontemplasi semasa Adorasi, berkat Tuhan mengalir kepada kita, Dia menguatkan kita untuk mengatasi keluhan dan kesusahan," jelas Bapa Suci.

Salah satu keindahan berdoa di hadapan Sakramen Mahakudus ialah ia boleh mengubah keluhan sebagai kekuatan dalam iman.

"Ada seorang biarawati yang tidak diketahui namanya tetapi dipanggil "Sister Mengeluh" (Sister *Lamentela*) kerana dia sering mengadu keluh kesahnya di hadapan Sakramen Mahakudus. Tetapi keluhan itu didengar oleh Tuhan, biarawati itu sentiasa diteguhkan dalam kehidupannya sebagai religius dan berkat sukacita untuk selalu melakukan kehendak Tuhan.

Sri Paus mengingatkan dengan mengabaikan Adorasi, klerikalisme akan mudah menular di kalangan klerus.

Uskup Roma itu menekankan, klerikalisme adalah "salah satu kejahatan paling serius dan dapat memusnahkan Gereja." Contoh kejahatan itu adalah seperti pencemaran terhadap kemurnian imamat dan menyalah guna rahmat imamat. Oleh itu, Adorasi perlu dipupuk dan dipromosi bagi memelihara semangat penginjilan dan mencintai Injil Tuhan.

Adorasi membantu umat Kristian untuk menguatkan iman, memperbaharui semangatewartakan kerajaan Tuhan dan bersatu dengan Tubuh Kristus.

## Menginjil tanpa memurtadkan orang

Bapa Suci juga mengenang santo muda dari Lisbon, Sto John dari Brito yang "dipanggil oleh Tuhan untuk menebarkan jala, berdialog dengan semua orang, menjadikan Injil dapat difahami, meskipun menghadapi banyak rintangan."

"Jadilah penjala manusia. jangan takut. Itu bukannya karya memaksa orang menukar agama sebaliknya iaewartakan Injil," jelas Bapa Suci.

"Oleh itu, menjala manusia dan menarik mereka keluar dari air bermakna membantu mereka keluar dari jurang duniawi, menyelamatkan mereka daripada kejahatan yang boleh melemaskan mereka dan menghidupkan mereka dari segala bentuk kematian. Namun ini dilakukan tanpa memaksa orang menukar agama sebaliknya dengan kasih sayang," ungkap Sri Paus.

Menurut Sangti Papa, "Jika ada gerakan gereja atau keuskupan atau seorang uskup, paderi, biarawati atau orang awam yang menjalankan aktiviti memurtadkan seseorang – itu bukan Kristian. Agama Kristian adalah mengalu-alukan, menyambut, membantu tanpa memurtadkan orang lain," tegas Sri Paus.

Sri Paus Fransiskus menambah bahawa "Injil, sebenarnya adalah pewartaan kehidupan bagi mereka yang putus asa, pemberitaan tentang kebebasan bagi mereka yang menjadi hamba duniawi dan cahaya bagi mereka yang dalam kegelapan." — CNA

# Hidup yang berakhir dengan kegembiraan

Penyair Parsi dan mistik sufi abad ke-13, Rumi, pernah berkata bahawa beginilah cara iman bergerak dalam kehidupan kita iaitu: *Kita hidup dengan rahsia yang tersembunyi amat dalam yang kadang-kadang kita tahu, kemudian pada satu ketika, kita tidak tahu, tidak menyedari dan kemudian...satu ketika, kita mengetahuinya.*

Kolumnis dari New York, David Brooks juga mengatakan sesuatu yang agak serupa. Dalam bukunya, *The Second Mountain*, beliau berkongsi bagaimana beliau cuba untuk mempraktikkan dua agama sekaligus iaitu agama Yahudi dan Kristian.

Katanya, untuk sebahagian besar, ia boleh 'berfungsi'. Lagipun, Yesus juga mencubanya. Walau bagaimanapun, soalan sukar yang kadang-kadang diajukan kepadanya ialah: Adakah anda percaya pada kebangkitan Yesus, percaya bahawa jenazah Yesus bangkit pada hari ketika selepas disalibkan? Jawaban David ialah: *"Kepercayaan itu datang dan pergi. Tetapi mencintai Kristus lebih kuat dalam diri saya."*

Jika kebanyakan kita yang mengaku diri kita sebagai orang Kristian sejati, yang jujur, taat, saya akur, kita akan memberikan jawaban yang sama kepada soalan tentang realiti kebangkitan Yesus. Adakah kita percaya akan kebangkitan itu, adakah kita percaya ia benar-benar berlaku? Mungkin

jawaban kita, "iman itu datang dan pergi".

Untuk mengaku secara intelektual bahawa kita percaya pada sesuatu adalah satu hal dan satu lagi ialah bagaimana menghidupi kepercayaan itu dalam hidup kita.

Yesus sendiri membuat perbezaan itu dalam perumpamaannya tentang seorang lelaki yang mempunyai dua anak lelaki dan meminta mereka pergi bekerja di ladangnya.

Anak pertama menjawab ya, tetapi tidak pernah pergi. Anak kedua berkata tidak tetapi akhirnya pergi dan melakukan kerja. Oleh itu, Yesus bertanya, yang manakah antara kedua-duanya, mana anak yang taat?

Nah, jawaban Brook mungkin boleh membantu kita iaitu, semangat mencintai Kristus lebih kuat dari segala-galanya. Dua anak lelaki itu, yang mengatakan ya dan tidak, tetap anak Tuhan.

John Shea, yang pernah mengulas tentang jatuh bangun murid-murid Yesus yang pertama dan mengikuti Dia dengan semangat dengan meninggalkan impian mereka.

Semangat mengikuti dan meninggalkan impian ini adalah pergelutan (bagi mereka dan kita juga). Mereka bergelut untuk menerima jempunan ilahi dalam tindak balas manusia, mereka bergelut antara kepercayaan dan keraguan besar.

Dan pergelutan ini lebih jelas



dalam diri kita. Lebih-lebih lagi kita sentiasa ada perasaan ragu dan pada masa yang sama, percaya bahawa kebangkitan Yesus itu benar dan tujuan makna kehidupan kita serta membentuk kehidupan kita.

Adakah kepercayaan kita cukup kuat pada kebangkitan Yesus untuk mengambil risiko radikal, menentang logik dalam hidup kita?

Jika kita benar-benar percaya bahawa Yesus telah dibangkitkan, maka ia akan membentuk semula kehidupan kita. Saya pasti, ramai di antara kita yang biasa mendengar petikan terkenal dari Julian of Norwich.

Katanya, "Dalam merenung makna kebangkitan Yesus bagi kita, jika Yesus benar-benar bangkit daripada kematian, jika Tuhan benar-benar membangkitkan jenazah keluar dari kubur, maka kita mempunyai jaminan mutlak (bers-

ama kepercayaan dan keyakinan) untuk mempercayai bahawa pada akhirnya, *semuanya akan baik, dan semuanya pasti baik, dan setiap jenis makhluk akan baik-baik sahaja.*

Memang benar kata Julian, jika kita percaya kebangkitan itu benar-benar berlaku: maka yang selebihnya ialah kisah kita akan berakhir seperti yang telah ditulis oleh dunia itu sendiri dan kita mempunyai jaminan mutlak bahawa ia akan berakhir dengan kegembiraan (*happy ending*).

Tetapi, adakah kita percaya bahawa hidup kita pasti akan berakhir dengan kegembiraan?

Bagi kebanyakan daripada kita, jika kita jujur seperti David Brooks, jawapan luaran kita, "Ya, saya percaya" boleh menjadi sama ertinya dengan jawaban: "Kepercayaan saya boleh datang dan pergi atau sekejap percaya, sekejap tidak."

Memang, ini adalah perakuan yang merendahkan diri. Jika kita angkuh, kita sentiasa percaya iman kita sempurna.

Dengan tidak menafikan bahawa kita selalu turun naik kepercayaan kita, kita memahami beberapa dinamika iman, yang boleh menunjukkan hala tuju yang betul dan mengalami pertobatan sejati.

Ada sekali di konferensi agama, saya mendengar komen ini daripada salah seorang penceramah utama, seorang wanita yang seperti Dorothy Day, bekerja dengan orang miskin di jalanan selama

bertahun-tahun.

Perkongsiannya menyentuh hati saya. Katanya, *"Saya seorang Kristian dan saya bekerja di jalanan dengan orang miskin. Yesus adalah sebab mengapa saya melakukan ini."*

Tetapi saya boleh melakukan kerja ini selama bertahun-tahun dan tidak pernah menyebut nama Yesus semasa saya bekerja kerana saya percaya Tuhan cukup matang sehingga Dia tidak menuntut untuk menjadi pusat perhatian kita sepanjang masa."

Anda boleh mengagak bahawa perkongsiannya itu mendapat pelbagai reaksi daripada pendengar.

Tetapi, sebenarnya apa yang wanita itu kongsi bukanlah sesuatu yang tidak sihat. Ini disokong oleh pengalaman Brooks atau Rumi tentang cara iman berlaku dalam hidup kita.

Kepercayaan, keyakinan dan iman boleh datang dan pergi. Apa yang wanita itu kongsi boleh membantu kita untuk bebas dari rasa bersalah, yang seolah-olah sengaja melepaskan iman.

Tetapi memang inilah realitinya. Bukan semua rahsia iman kita ketahui dan iman kita tidak kuat selama-lamanya, suatu hari ia pasti goyah tetapi akan kuat semula. Sesungguhnya, kita hidup dengan gerakan iman yang kadang-kadang iman itu hidup, kemudian tidak tetapi akan hidup semula suatu ketika. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

## Selalu fokus kepada Tuhan

Kisah Injil minggu ini sangat menarik dan dramatik iaitu Yesus berjalan di atas air. Bukan air yang tenang tetapi di atas air yang bergelora. Saya pernah bertanya kepada para peserta kursus katekis mengapa Yesus berjalan di atas air? Semua diam. Namun ada seorang yang agak lucu orangnya menjawab dengan muka selamba, "Sebab Yesus tidak pandai berenang."

Apapun andaian kita mengapa Yesus berjalan di atas air, yang jelas Yesus mempunyai mesej dan tujuan tertentu bagi kita pada hari ini. Apabila Yesus berjalan di laut Galilea sekitar jam tiga pagi, para murid-Nya menyangka Dia adalah hantu.

Tetapi Petrus mengenali-Nya lalu mohon agar dia dibenarkan untuk dapat berjalan di atas air untuk merasakan sendiri mukjizat tersebut. Sikap Petrus tersebut sungguh manusiawi sama seperti kita ingin melihat sendiri tanda-tanda dan mukjizat dari Tuhan sendiri.

Inilah sebabnya mengapa banyak tempat yang ada penampakan dan banyak mukjizat terjadi didatangi oleh banyak orang Kristian dan bukan Kristian, untuk

mengalami dan melihat sendiri keajaiban tersebut.

Kisah tentang nabi Elia dalam bacaan pertama tadi merupakan gambaran sikap kita yang suka pada hal-hal yang ajaib. Tindakan bahawa apabila Tuhan menyuruhnya ke gunung Karmel, kerana Dia akan melewati tempat tersebut, Elia berharap akan terjadi suatu kuasa syurgawi di mana terdapat pelbagai kejadian aneh yang terjadi. Namun Tuhan tidak muncul melalui ribut petir, gempa bumi atau cahaya yang bergemerlapan. Dia datang melalui angin sepoi-sepoi bahasa bagaikan bisikan yang sangat halus, sangat sederhana dan sangat tenang.

Pesan diterima oleh nabi Elia tersebut juga ditujukan kepada kita semua. Bahawa Tuhan tidak kita temui hanya melalui kejadian-kejadian yang hebat, dramatik dan yang mengujakan tetapi melalui kehidupan harian kita yang sederhana yang biasanya membuat kita terlepas pandang akan kehadiran Tuhan di hadapan mata kita.

Pesan kedua sehubungan dengan Injil tadi adalah mengenai iman kepercayaan.

Ketika Petrus merasa ketakutan disebabkan ribut dan ombak yang

besar itu, maka imannya mulai goyah sehingga Yesus mengecamnya: "Hai orang yang kurang percaya, mengapa engkau bimbang?" (ay 31).

Namun bukannya kita pun seringkali bersikap seperti Petrus? Apabila segalanya berjalan baik, kita lupa pada Tuhan? Tetapi apabila masalah menimpa kehidupan kita silih berganti bagaikan gempa dan tsunami, baru kita ingat Tuhan?

Fr. Albert Cylwicki di dalam bukunya *His Word Resounds* menulis: "Selagi Petrus menumpukan perhatiannya kepada Tuhan, segalanya berjalan dengan lancar. Tetapi segera dia melupakan tentang Yesus dan bimbang tentang angin tersebut, dia mulai tenggelam. Mungkin inilah yang dikatakan iman itu. Kita tetap menumpukan tumpuan kepada Tuhan walau apa pun yang terjadi di sekitar kita!"

Pada zaman Matius, melihat kisah Petrus pada hari ini sebagai gambaran pengalaman komuniti Kristian di zamannya.

Mereka bagaikan para rasul di dalam perahu tersebut. Mereka mengalami pelbagai tekanan hidup yang tidak bersahabat dengan mereka.

### HARI MINGGU BIASA KE-19 TAHUN A

1RAJA 19:9A11-13A;

ROMA 9:1-5;

INJIL MATIUS 14:22-33

Mereka takut kerana Yesus tidak bersama dengan mereka. Namun walaupun Dia tidak bersama dengan mereka, tetapi secara misteri, Dia tetap berada di antara mereka menguatkan iman mereka dan membimbing mereka di dalam misi kehidupan mereka.

Jadi, sebenarnya tiada sebab mengapa mereka takut dan kurang semangat sebaliknya mereka sebenarnya mempunyai banyak alasan untuk bersyukur sebab Yesus sentiasa berada bersama-sama mereka.

Sebagai komuniti Kristian yang hidup pada zaman kita ini, mungkin kita pun merasakan pengalaman seperti komuniti Matius di zamannya itu.

Hidup bergerak dengan cepat sehingga kita merasakan kita tidak sanggup lagi untuk mengujanya. Angin berubah meniup begitu kuat sekali sehingga kita

tidak dapat menempatkan diri kita sesuai dengan tuntutan zaman. Fikiran anak-anak generasi baru begitu dipengaruhi oleh dunia digital sehingga kita yang masih berada di dunia analog tidak sesuai lagi dengan dunia yang sudah bersifat global walaupun melakukan secara lokal.

Kita mula merasakan bahawa kemajuan teknologi mula mengingkirkan Tuhan di tepi kehidupan dan bukan lagi di tengah-tengah kehidupan.

Pada zaman moden ini, kita berasa kalah, terumbang ambing di antara iman dan kebimbangan. Tetapi jangan sampai kita tenggelam pula. kerana kerisauan sebaliknya beranilah memohon, "Tuhan, selamatkanlah kami." Dan Tuhan pasti menjawab, "Aku menyertai kamu sentiasa sampai akhir zaman" (Mat 28:20). — *santapan rohani*

# Umat awam pelajari kendali Ibadat Sabda dan Komuni

TELUPID: Hampir 100 orang yang terdiri daripada pemimpin Ibadat Sabda, pelayan Komuni Tak Lazim dan umat awam telah menyertai retret pemimpin Ibadat Sabda dan pelayan Komuni Tak Lazim di St Martin, Telupid.

Retret selama sehari ini merupakan anjuran Komiti Katekis dan Komiti Liturgi. Ia juga kesinambungan daripada dua fasa rekoleksi yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Dimulakan dengan Adorasi Sakramen Mahakudus, para peserta kemudiannya mengikuti tiga sesi yang dikendalikan sepenuhnya oleh Fr Christopher Ireneus (Fr Chris).

Fr Chris menjelaskan bahawa sebagai pemimpin ibadat dan pelayan komuni perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam tatacara pengendalian ibadat dan ko-

muni kudus.

Justeru, retret ini adalah salah satu proses pembentukan yang perlu dilalui oleh semua pemimpin ibadat dan pelayan komuni.

Selain membantu paderi memberikan komuni kudus mereka juga dipercayai untuk memberi komuni kepada orang-orang tua, sakit dan yang tidak berupaya untuk hadir ke gereja.

Dalam hal membawa komuni kudus ke rumah orang sakit, Fr Chris berpesan agar perkara ini dilakukan dengan penuh hati-hati bagi menghormati Tubuh dan Darah Yesus.

Sesi kedua diteruskan pada sebelah berkaitan tatacara memimpin ibadat.

Fr Chris sambil membuat sedikit demonstrasi bagaimana memimpin ibadat dengan merujuk kepada buku panduan yang digunakan oleh Paroki St. Martin, Telupid.



Fr Chris mendupai Sakramen Mahakudus di Gereja St Martin, Telupid.

Dalam sesi terakhir, para peserta diajak untuk membuat renungan peribadi mengenai pelayanan.

Fr Chris mengatakan realiti pelayanan tidak semudah yang disangka tetapi ia

akan dapat diatasi dengan semangat berjalan bersama dan tekun berdoa kepada Roh Kudus. Retret ini diakhiri dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Fr Chris. — **Cly Gulimit**

## Liturgi menghadirkan wajah Tuhan di dunia

MERSING: Liturgi adalah perayaan misteri karya keselamatan Tuhan yang dilaksanakan oleh Yesus Kristus, Sang Imam Agung, bersama Gereja-Nya di dalam ikatan Roh Kudus *Konsili Vatikan II, Sacrosanctum Concilium, 7.*

Seramai 43 orang peserta dari Mersing dan Rompin, menyertai program formasi Liturgi untuk Umat Awam paroki St. Peter, Mersing baru-baru ini.

Program yang dimulakan dengan Misa Kudus ini dianjurkan oleh Pelayanan Liturgi Keuskupan Melaka Johor dan sesi-sesi disampaikan oleh Fr Adrian Francis, Sr. Magdalena Kopong, FSIC, serta para fasilitator dari paroki *Our Lady of Guadalupe*, Melaka.

Kandungan formasi ini adalah mengikuti Panduan Umum *Misale Romawi* (PUMR),



iaitu Katekesis Liturgi untuk Umat Awam oleh Komisi Liturgi Wilayah, Majlis Uskup-uskup Malaysia, Singapura dan Brunei yang diterbitkan pada 2005.

Sebanyak sepuluh katekesis telah disampaikan kepada peserta untuk memperdalamkan pengetahuan umat tentang liturgi kepada umat tentang apa yang Gereja Katolik ajar-

kan tentang Liturgi.

Bahagian pertama formasi adalah berkenaan prinsip-prinsip liturgi dan terdiri daripada lima taklimat tentang visi teologi tentang Perubahan *Misale Romawi*, tanda-tanda dan simbol-simbol dalam Misa, tata gerak dan sikap tubuh dalam Misa, perhimpunan umat yang beribadat dalam Misa, pelayanan-pelayanan dan peranan dalam perhimpunan liturgi semasa Misa.

Bahagian kedua adalah berkenaan pelayanan-pelayanan liturgi seperti pembacaan dalam Misa, pelayanan khas Komuni Tak Lazim, muzik dalam liturgi, garis panduan bagi Pelayan Altar dan warden Gereja dalam Misa.

Formasi diakhiri dengan evaluasi dan sesi bergambar. — **Jennifer Jinam**

### Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:  
liza@herald.com.my

## Perbezaan penitensi dan indulgensi

Pertama-tama mari kita lihat definisi masing-masing dari Katekismus Gereja Katolik:

**Penitensi:** KGK 1459 — Banyak dosa menyebabkan kerugian bagi sesama. Umat harus sedapat mungkin mengganti rugi (umpamanya mengembalikan barang yang dicuri, memperbaiki nama baik orang yang difitnah, memberi silih untuk penghinaan).

Keadilan sendiri sudah menuntut ini. Tetapi di samping itu dosa melukai dan melemahkan pendosa sendiri, demikian pula hubungannya dengan Tuhan dan dengan sesama.

Absolusi menghapuskan dosa, namun tidak mengatasi semua ketidak-adilan yang disebabkan oleh dosa (*Bdk. Konsili Trente: DS 1712*).

Setelah pendosa mengangkat diri dari dosa, ia masih harus mendapat kesehatan rohani yang penuh. Dua harus "membuat silih", untuk dosadanya, harus memperbaiki kesalahan atas suatu cara yang sesuai. Penyilihan ini juga dinamakan "penitensi".

KGK 1460: Penitensi yang diberikan bapa Pengakuan, harus memperhatikan keadaan peribadi peniten dan melayani kepentingan rohaninya.

Sejauh mungkin harus sesuai dengan berat dan kudrat dosa yang dilakukannya. Penitensi dapat terdiri dari doa, derma, karya amal, pelayanan terhadap sesama, pantang secara sukarela, berkorban, dan terutama dalam menerima dengan sabar salib yang harus kita pikul.

Karya penitensi macam ini sangat membantu untuk menyerupai Kristus, yang telah men-

jalankannya sendiri untuk dosa-dosa kita satu kali untuk selama-lamanya (*Bdk. Rm 3:25; 1 Yoh 2:1-2*). Ia menjadikan kita ahli waris bersama Kristus yang telah bangkit "jika kita menderita bersama-sama dengan Dia" (*Rm 8:17, Bdk. Konsili Trente: DS 1690*).

"Penyilihan ini, yang kita lakukan untuk dosa-dosa kita, bukanlah milik kita sepenuhnya, seakan-akan tidak melalui Yesus Kristus; kerana kita, yang dari diri sendiri tidak mampu apa-apa, mampu melakukan segala-galanya (*Bdk. Flp 4:13*) dalam kerja sama dengan Dia yang menguatkan kita.

### Apakah Itu Indulgensi ?

"Indulgensi adalah penghapusan seksa-seksa sementara di hadapan Tuhan untuk dosa-dosa yang sudah diampuni.

Ada indulgensi sebagian atau seluruhnya, bergantung dari apakah ia membebaskan dari siksa dosa temporal itu untuk sebagian atau seluruhnya." Indulgensi dapat diperuntukkan bagi orang hidup dan orang mati (*Paulus VI, Konst. Ap. "Indulgentiarum doctrina" normae 1-3*).

### Perbezaan antara penitensi dan indulgensi

Jadi dengan kata lain, penitensi adalah suatu tindakan yang didasari oleh iman, yang dilakukan sebagai silih bagi dosa, untuk memperbaiki hubungan antara kita (sang peniten) dengan Tuhan.

Setelah kita menerima absolusi dari sakramen Pengakuan dosa dan melakukan penitensinya,

maka dosa-dosa kita dihapuskan, kesehatan rohani kita dipulihkan, dan kita dibebaskan dari seksa dosa kekal iaitu neraka atau keterpisahan dari Tuhan.

Namun demikian, dapat terjadi penitensi tersebut belum seluruhnya menghapus seksa dosa sementara/ temporal, sebagai akibat dari dosa kita.

Sebab walaupun sudah diberikan sesuai dengan berat atau tidaknya dosa, seringkali penitensi ini tidak/belum seluruhnya mengubah kita untuk menjadi seperti Kristus.

Jika kita meninggal dunia dalam keadaan seperti ini, maka akan masih ada seksa dosa temporal ataupun akibat dosa yang harus kita tanggung untuk sementara, dalam proses pemurnian setelah kematian, sebelum kita dapat bersatu dengan Tuhan yang kudus sempurna dalam Kerajaan Syurga.

Oleh itu, kita memerlukan indulgensi, sebab indulgensi adalah penghapusan seksa dosa temporal, secara seluruhnya atau sebahagian, untuk dosa-dosa yang sudah diampuni dalam sakramen Pengakuan dosa.

Dengan kata lain, indulgensi dapat menghapuskan seluruhnya atau sebahagian seksa dosa yang masih harus kita tanggung setelah kematian dalam proses pemurnian (yang dikenal sebagai Api Penyucian). Disebabkan tujuannya adalah untuk penghapusan/pengurangan seksa dosa di Api Penyucian inilah, maka indulgensi juga dapat diperoleh untuk jiwa-jiwa orang lain yang telah meninggal yang kita doakan. — **katolisitas**

# Sahabat kecil Yesus

Bongkar kod rahsia di bawah untuk membaca pesan Yesus.




Cari **SEPULUH** perbezaan pada gambar di bawah.




Ogos 15, Hari Raya Besar Santa Perawan Maria diangkat ke Syurga

Mari Mewarna



- ☼ ... A
- ☼ ... T
- ☼ ... N
- ... I
- ☼ ... U
- ☼ ... E
- ☼ ... G
- ☼
- ☼

Adik-adik, untuk menjawab soalan di bawah, adik-adik perlu membaca Injil Matius 14: 22-33. Adik-adik boleh menggantung dialog yang betul atau menulis jawapan pada kotak dialog di bawah. Selamat mencuba.



- Ini Aku ... jangan takut!
- Itu hantu!
- Itu Yesus!

Hello adik-adik,

Apa khabar? Semoga adik-adik sihat dan ceria selalu.

Adik-adik, kebanyakan kita selalu berasa cemas apabila berlakunya sesuatu hal yang tidak dijangka.

Misalnya baru-baru ini, rakan antie mengadu kerana dia sedang dalam kesusahannya dan risau akan masa hadapannya.

Apa yang antie boleh

kongsikan kepadanya ialah kata-kata Yesus pada Injil hari Minggu ini mengatakan kepada kita, "Tenanglah, Ini Aku! Jangan takut!"

Apabila kita menghadapi kesukasan, kita selalu tidak dapat mengingati atau mendengar kata-kata Yesus. Yesus sentiasa tahu kesukasan dan penderitaan Injil Matius pada hari Minggu ini memperlihatkan Yesus yang berkuasa dan

memiliki wewenang Ilahi kerana dia berasal dari Tuhan Bapa. Malah kemampuan-Nya tidak terbatas seperti manusia.

Dengan kata lain, Injil Matius 14: 22-33 berbicara tentang Yesus sebagai tanda kehadiran Tuhan yang datang untuk membawa keselamatan bagi manusia yang memerlukan.

Salam Sayang  
Antie Melly

# BELIA MILENIUM



## Katholikos ajak pemimpin belia kasihi iman Katolik



**KLUANG, Johor:** “Simon, Kanak Yohanes, adakah kamu mengasihi saya?” (Yoh 21:17). Ini adalah soalan yang dikemukakan oleh Uskup Bernard Paul kepada para pemimpin belia Keuskupan Melaka Johor semasa *Katholikos* kali kedua 2023.

Dianjurkan oleh Jaringan Orang Muda Keuskupan Melaka Johor (MJDYPN), pada tahun ini, program tersebut dijalankan dalam dua fasa iaitu pra-*Katholikos* di Pusat MAJODI untuk Vikariat Johor Selatan dan di Pusat ROSA bagi peserta Johor Tengah Utara dan Vikariat Melaka. Katekesis dan aktiviti pra-*Katholikos* ini dikendalikan oleh tim MJDYPN.

Acara utama *Katholikos*, berlangsung di Dewan Bakhita, Kluang, yang dipimpin oleh Uskup Bernard Paul.

*Katholikos*, sebuah perkataan Yunani untuk Katolik, dipilih sebagai nama untuk acara tahun lalu, bagi menyerlahkan identiti Katolik pada setiap belia khususnya para pemimpin belia di keuskupan Melaka-Johor.

Pada tahun ini, topik utama tumpuan pemimpin belia ialah teras pastoral 4E Keuskupan Melaka Johor iaitu *Encountered, Enlightened, Empowered* dan *Evangelising*.

Uskup Bernard menerangkan pengertian setiap huruf tersebut dengan memberikan petikan-petikan dari Kitab Suci dan menjemput peserta untuk membaca teks itu sendiri, berkongsi, berbincang, dan memberi maklum balas mengenai di kalangan mereka.

Program itu diakhiri dengan perayaan Ekaristi. Lapan puluh lapan peserta yang menyertai program sepanjang hari di Kluang dan 22 pemimpin belia yang mewakili Pelayanan Belia, Kumpulan *Young Adult* dan pelayanan kampus telah diutus pada perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Uskup Bernard.

Pengutusan itu sangat bermakna bagi para pemimpin belia lebih-lebih lagi mereka diutus pada Pesta Sto Petrus dan Paulus.

Uskup Bernard, dalam homilinya, menegaskan bahawa golongan muda boleh mengenali dua orang kudus ini melalui seni lukisan dan patung dalam tradisi Katolik.

Prelatus itu menekankan kepada para pemimpin belia bahawa kedua-dua Santo itu mempunyai kelemahan dan kekurangan tetapi Yesus telah me-

milih mereka dan mereka menyahut panggilan itu dengan berjuang serta bersungguh-sungguh dalamewartakan kerajaan Tuhan, biarpun dianiaya dan diugut, mereka tetapewartakan Khabar Gembira sehingga mereka berdua mati martir.

Pemimpin-pemimpin belia ini secara rasmi menjadi sebahagian daripada Majlis Orang Muda Keuskupan Melaka Johor (MJDYPC) yang dibahagikan kepada tiga vikariat — Melaka, Johor Utara-Tengah dan Johor Selatan.

Mereka bekerjasama erat dengan Jaringan Orang Muda Keuskupan Melaka Johor (MJDYPN) untuk merancang dan melaksanakan pelbagai acara dan program pembentukan di seluruh keuskupan serta menjangkau kaum muda agar tidak ada seorang pun yang berasa terabai atau tidak didengar.

## Kaum muda WYD Lisbon, wajah harapan dunia

LISBON: Joseph Vo dari San Jose tertarik untuk menghadiri Hari Belia Sedunia (WYD) di Lisbon setelah menonton video WYD di Krakow tahun 2016.

Pemuda itu sangat gembira dengan pengalamannya di Lisbon, ia luar biasa, sangat indah,” katanya kepada *OSV News*.

“Ada banyak waktu untuk berdoa dan berjumpa dengan Tuhan secara langsung. Juga, ini merupakan kesempatan yang sangat indah untuk berbicara dan terlibat serta bertemu dengan orang-orang muda dari seluruh dunia!”

Dari seluruh orang muda dari negara-negara peserta WYD 2023, peserta dari Sepanyol adalah paling ramai.

Lebih 75 ribu menyertai acara WYD, satu jumlah besar peserta dari negara yang semak-



Penziarah muda bergabung dalam *Days in the Dioceses* sebelum WYD di Lisbon.

in sekular.

Kardinal Juan José Omella, uskup agung

Barcelona mengatakan, “Dan ini pertanda banyak tunas hijau yang tumbuh dan itu masa

depan. Itulah mengapa kita hidup dengan harapan, dan seorang misionari dan rasul tidak pernah menyusut dalam menghadapi kesukaran melainkan tumbuh dengan harapan kecil dari tunas hijau dan bukan dari 20 pohon tumbang,” tegasnya.

Fr William Matakim, paderi dari Keuskupan Sandakan yang selalu memuat turun video-video pendek dari Lisbon, memperlihatkan kegembiraannya bergaul dengan para belia dari pelbagai negara, bertemu dan merayakan Misa Kudus dengan rakan-rakan paderi, belajar tentang kebudayaan belia dari negara lain dan menikmati muzik serta konsert sempena WYD. Paderi itu sempat berpesan, “Tuhan memberkati kamu semua dan jangan takut untuk mencari Tuhan!” — **pelbagai sumber Katolik**

# Patriak sambut kehadiran ratusan ribu penziarah muda di Lisbon



Salah seorang kontinjen Malaysia berada di tengah-tengah ratusan ribu peserta semasa Misa Kudus pembukaan WYD.

LISBON, Portugal: “Marilah kita belajar daripada Maria untuk memberi salam kepada setiap orang. Marilah kita bersungguh-sungguh mempraktikkan Hari Belia Sedunia (WYD) ini,” kata Kardinal Manuel Clemente, patriark Lisbon selaku selebran utama Misa Kudus di Taman Eduardo VII, Ogos 1, 2023.

Para penziarah muda dari seluruh dunia, berhimpun di Lisbon, Portugal sempena Hari Belia Sedunia 2023 (WYD).

Misa pembukaan WYD memberi kesempatan kepada para belia sedunia untuk bersalaman, berkenalan dan berkumpul dalam doa,

muzik dan gelak ketawa.

Kardinal Manuel Clemente mengatakan kepada semua yang hadir bahawa perjalanan mereka menuju ke WYD pasti mencabar kerana jarak dan pelbagai halangan lain.

Di sebalik rintangan itu, prelatus itu menekankan kepentingan memulakan perjalanan sebegini dan menyamakannya dengan perjalanan kehidupan, di mana setiap hari menyajikan segmen baharu.

Kardinal itu turut berbicara tentang tema WYD 2023, “Maria bangun dan pergi dengan tergesa-gesa” (Luk 1:39).

Katanya, “Maria pergi ... dia

masih muda dan baharu sahaja mengandung daripada Roh Kudus, tidak ada pengangkutan dan laluan itu sukar.

“Seperti anda, perjalanan ke sini juga sukar khususnya negara yang jauh. Tetapi terima kasih Tuhan kerana anda tidak kekurangan dan anda berada di sini sekarang!”

Menjelang WYD, terlebih dahulu diadakan *Days in the Dioceses pada Julai 26-31*. Selama seminggu lebih 67,000 peziarah dari lima benua disambut di 17 keuskupan di daratan Portugal dan sekitar pulau-pulauanya, yang menawarkan kesempatan untuk mengenal Gereja lokal, umat dan wilayah. — *CNA*



## Cari jalan baharu ikuti Tuhan

LISBON: “Keletihan boleh membebaskan lelaki dan wanita Gereja. Lebih-lebih lagi pada masa-masa getir perubahan sosial dan budaya dan semakin ditandai oleh sekularisme, ketidakpedulian kepada Tuhan dan semakin menjauhkan diri daripada amalan iman.”

Oleh itu, Sri Paus menggesa para klerus dan rohaniwan untukewartakan Injil, Paus menjemput mereka “untuk membawa perjuangan dan air mata mereka yang menderita kepada Tuhan” dan “dengan kerendahan hati, mencari jalan baharu bagi umat mengikuti Dia.”

Kata-kata ini diutarakan oleh Sri Paus Fransiskus semasa berdo'a Ibadat Harian di Biara Jeronimos yang dibina pada abad ke-16 di Lisbon pada hari pertama lawatannya ke Portugal untuk Hari



Beberapa kanak-kanak menghadiri Ibadat Harian bersama Bapa Suci di Biara Jeronimos, Lisbon.

Belia Sedunia 2023.

Berucap kepada Uskup Portugis, para paderi, diakon, religius, seminarian dan para pekerja pas-

toral pada petang Ogos 2, Sri Paus menyampaikan renungan tentang berkat penyelamatan Tuhan dan bagaimana Yesus mengubah ke-

hidupan murid-murid-Nya.

“Keletihan itu,” kata Bapa Suci, “seringkali diungkapkan melalui kekecewaan dan kemarahan lebih-lebih lagi ketika mereka merasakan Gereja, disebabkan oleh kesaksian kita yang lemah, kerana skandal dan penyelewengan, iman mereka mudah rapuh.

Ini adalah panggilan kita, untuk menyadari kelemahan kita sebagai klerus dan religius, memohon maaf di atas pengabaian kita.

“Ini adalah panggilan untuk kita merendahkan hati, menyeru kita untuk memurnikan diri, merendahkan hati dan mula mendengar tangisan umat yang menderita khususnya yang telah kita abaikan.”

Sri Paus meminta “rakan-rakan Portugis yang dikasihi” bukan untuk menjajah dunia sebaliknya membuatnya gembira dalam su-

kacita Injil yang menghiburkan.”

Ini bukan masa untuk berheniti dan berputus asa. Kita tidak boleh lari dari masa kini kerana takut. Sekarang adalah masa rahmat yang diberikan Tuhan untuk berlayar dalam penginjilan dan misi,” tambahnya.

Bapa Suci juga mengongsikan tiga poin dalam penginjilan.

“Pertama: Tebarkanlah jala. Kedua: Bekerjasama dan tawarkanlah pelayanan pastoral. Gereja adalah sinodal, sifatnya ialah bersalan bersama dan ia adalah sebuah persekutuan.

“Ketiga: Jadilah penjala manusia. Sebagai Gereja, kita diamanahkan untuk menebar jala, bukan menuding jari sebaliknya membawa umat lelaki dan wanita zaman kita kehidupan baharu dan sukacita bersama Yesus. — *media Vatikan*

## Semoga Eropah jadi pusat penyelesaian konflik

LISBON: Setibanya di Lisbon untuk menghadiri Hari Belia Sedunia (WYD) pada Ogos 2, Sri Paus Fransiskus merayu kepada Eropah agar menghidupkan semula cita-cita pengasasnya dan berusaha membina jambatan keamanan, persaudaraan dan keterangkuman dengan “kreativiti” lebih-lebih lagi di wilayah-wilayah di dunia yang tidak mampu menangani masalah atau konflik yang berterusan.

“Saya mengimpikan Eropah, jantung Barat, dengan menggunakan bakatnya yang besar bagi menyelesaikan konflik dan menyalakan harapan,” kata Sri Paus Fransiskus ketika berucap pada Pihak Berkuasa, Masyarakat Awam dan para pegawai diplomatik di *Centro Cultural de Belém of Lisbon*.

Bapa Suci juga menerangkan bahawa ibu kota Portugal pernah menjadi tuan rumah menandatangani Perjanjian untuk pembaharuan Kesatuan Eropah (Perjanjian Lisbon) pada tahun 2007, yang menyatakan dedikasi dan komited Kesatuan Eropah dalam menyumbang secara aktif kepada keamanan, keselamatan, per-

paduan pembangunan mampan dan saling menghormati antara rakyat, perdagangan bebas dan adil, pembasmian kemiskinan dan perlindungan hak asasi manusia.

Namun, kini, Sri Paus mempersoalkan hala tuju Eropah – dan, secara umumnya, Barat – yang masih belum dapat membantu menyelesaikan konflik salah satu negara di Eropah iaitu Ukraine.

Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) menganggarkan bahawa 8.1 juta kehilangan tempat tinggal di Eropah menjelang akhir Februari 2023.

Tragedi ini harus diakhiri segera, pertama dengan gencatan senjata dan kemudian dengan keamanan yang adil.

“Namun begitu,” kata Sri Paus Fransiskus, “WYD memberi peluang untuk membina bersama.”

Bapa Suci mengenal pasti tiga bidang untuk diperhatikan iaitu: menjaga alam sekitar, mewujudkan masa depan yang menjanjikan untuk golongan muda dan mempromosikan persaudaraan. — *media Vatikan*

## Kehadiran Sri Paus Fransiskus di WYD Lisbon buktikan Gereja mendengar kaum muda



Lambaian 143 bendera dari negara-negara yang menyertai WYD Lisbon 2023.

LISBON: Keterujaan kaum muda ketika berita ketibaan Sri Paus Fransiskus ke Lisbon untuk menghadiri Hari Belia Sedunia (WYD), melonjak di jalan-jalan di bandar yang pebuh warna-warni.

Setelah menamatkan sesi katekesis “Bangkit”, para belia mula berselerakan ke seluruh bandar, memenuhi pinggir jalan dari lapangan terbang Figo Maduro, tempat Bapa Suci mendarat, hinggalah ke Istana Negara di Belem, lokasi upacara sambutan rasmi.

Suni, seorang wanita muda dari Norway, berkongsi dengan *Vatican*

*News* betapa terujanya dia bertemu orang muda lain yang berkongsi kepercayaan Kristian yang sama.

Dia menyatakan bahawa tidak ramai orang Kristian di Norway dan berkata fakta itu menambah keinginannya untuk menjalin hubungan dengan orang Kristian muda dari bangsa lain.

Francis dan Adanna, dua anak muda Nigeria, berkongsi betapa gembiranya mereka menghadiri WYD tahun ini.

Kedua-duanya tekad untuk terus berdo'a untuk semua warga Nigeria lain yang tidak dapat menghadiri

WYD.

Mereka juga membawa pulang pengalaman manis, nilai-nilai dan amalan yang baik daripada komuniti yang berbeza dari pelbagai dunia, bersama-sama dengan cenderahati yang mereka terima semasa berinteraksi dengan peserta lain.

Seramai 354,000 penziarah muda dari sekurang-kurangnya 143 negara mendaftar untuk Hari Belia Sedunia di Lisbon menurut penganjur. Namun jumlah itu meningkat menjadi 550,000 semasa kehadiran Sri Paus pada hari kedua WYD. — *Media Vatikan*

BERDOA MALAIKAT TUHAN BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

# Cari, temui, dan sambutlah kasih sayang Tuhan

VATIKAN: Menyampaikan katekesis lazimnya mengenai Injil Ahad, Sri Paus Fransiskus bercakap tentang perumpamaan Yesus tentang saudagar yang mencari mutiara berharga apabila setelah menemui mutiara yang bernilai tinggi, dia pergi dan menjual semua yang dia miliki untuk membelinya.

Paus kemudian menerangkan tiga tindakan saudagar yang juga boleh kita amalkan dalam kehidupan kita sendiri: dia mula-mula mencari, kemudian dia menemui, dan akhirnya dia membeli mutiara yang berharga itu.

Tindakan pertama “pedagang yang berdaya usaha” untuk keluar mencari mutiara berharga menunjukkan keinginannya untuk “memupuk impian kebaikan” dan mencari sesuatu yang baru, jelas Paus, kerana pedagang itu tidak hanya berpuas hati dengan apa yang telah dimilikinya, tetapi tahu ada kemungkinan yang lebih besar.

Rasa ingin tahu dan dorongan inilah yang kita perlukan dalam mencari “kebaruan Tuhan, kerana Tuhan tidak berulang-ulang” tetapi sentiasa menjadikan “realiti kehidupan baru,” kata Paus.

Semasa mencari mutiara yang berharga itu, saudagar itu kemudiannya menemui apa yang dia cari, kerana dia mempunyai mata yang tajam dan tahu bagaimana mengenali mutiara yang sangat bernilai, Paus terus berkata.

Dia menyamakannya dengan orang yang melalui pasar oriental yang menarik yang penuh dengan pelbagai barangan, meneliti dan melihat dengan teliti segala yang dipamerkan.

Paus berkata proses metodologi ke-



Memupuk impian kebaikan — Para Sister Kongregasi Misionari Cinta Kasih beramah mesra dengan ibu dan anak semasa Hari Belia Sedunia di Lisbon, Portugal.

bijaksanaan yang teliti ini menawarkan pengajaran untuk kita di mana kita juga mesti membezakan apa yang baik dan berharga.

Dia berkata kita perlu mencari apa yang penting dan bernilai untuk kehidupan kita, untuk melatih diri kita melihat “permata berharga” kehidupan daripada apa yang tidak berguna atau bermanfaat.

Paus kemudiannya menerangkan tindakan terakhir pedagang itu apabila dia membeli mutiara itu, menjual dan mengorbankan segala yang dia miliki, kerana dia menyedari nilainya yang sangat besar mestilah “satu-satunya kekayaannya,

makna masa kini dan masa depannya”.

Tindakan ini bercakap kepada kita juga, jelas Paus, kerana kita dijemput untuk menyambut Tuhan Yesus, “mutiara kehidupan yang berharga, untuk dicari, ditemui dan dijadikan milik sendiri”.

Paus berkata “apabila seseorang bertemu dengan Kristus, hidup berubah” dan menemukan makna yang paling utama dalam pelukan kasih Tuhan.

Sebagai kesimpulan, dia meminta Perawan Maria yang Terberkati untuk membantu kita mencari, mencari, dan menyambut Tuhan ke dalam hidup kita dengan segenap hati kita. — *media Vatikan*

## Menjaga iman ketika dalam keraguan



Hasil kerja kita mengambil masa untuk berkembang, percayalah Tuhan akan rencana Tuhan.

Pernah suatu ketika, semasa saya terpaksa menulis jurnal untuk sebuah universiti, saya mengalami kebuntuan penulis atau *writer's block* yang serius. Selepas berminggu-minggu penagguhan, seorang kawan menasihati saya bahawa saya hanya perlu percaya pada bakat dan kemahiran menulis saya. Lalu saya pun menulis sesuatu.

Sehari kemudian, profesor membalas e-mel saya. Katanya, dia hanya dapat membaca tiga muka surat dan selebihnya, dia berhenti membaca. Dia menasihati saya untuk memikirkan semula secara menyeluruh dan menyerahkan semula jurnal itu selepas beberapa ketika.

Jawaban profesor itu seperti tembakan di kepala saya. Saya berasa marah dan kecewa. Bukan ini yang sepatutnya berlaku, getus hati saya.

Saya berasa seperti gagal, dan tidak faham mengapa Tuhan membiarkan ini berlaku. Kerja saya selama ini seolah-olah tidak membuahkan hasil. Saya sangat gusar dan rebah di kerusi.

Sejurus kemudian, saya menerima e-mel daripada rakan sekelas yang saya temui 10 tahun lalu. Sejak menamatkan pengajian, saya tidak lagi mendengar khabarnya.

Tetapi, pada hari itu, dia menulis untuk memberitahu saya bahawa dia sangat terkesan dengan perbualan yang kami kongsi hampir sedekad lalu.

Dalam e-melnya, dia menerangkan bagaimana perbualan kami membawanya melalui pelbagai pengalaman, akhirnya mendorongnya — hanya beberapa bulan lalu — untuk diterima ke dalam Gereja Katolik. Sekarang, dia ingin berterima kasih kepada saya atas dorongan saya.

Sebelum membaca e-mel daripada rakan itu, saya berasa seperti gagal, seperti usaha saya tidak membuahkan hasil.

Tetapi beberapa minit kemudian, Tuhan memberi saya peringatan melalui rakan saya: Hasil kerja kita mengambil masa untuk berkembang.

Saya pernah menasihati dan memberi dorongan kepada rakan saya 10 tahun lalu, dan baru sekarang, rakan saya menerimanya dan mengalami perubahan hidup. Pengalaman ini membantu saya untuk merangka atau mengubah semula “kegagalan” jurnal saya itu sebagai “buah” yang masih bertumbuh, masih perlu banyak diperbaiki dan bukan untuk dituai.

Oleh itu, jika anda menghadapi cabaran, kegagalan dan keraguan dalam hidup anda, luangkan masa sejenak untuk mengimbas kembali buah masa lalu yang mengejutkan — terutamanya apabila cabaran dan keraguan itu berlaku serentak.

Dengan mempercayai bahawa Tuhan pasti akan menyediakan sekarang seperti yang Dia sediakan dahulu, — dan ia terjadi tanpa kita menyedarinya. — *Fr Alex Wyvill, Aletia*

PENULIS BERKICAU

## Uniknya Hari Belia Sedunia (WYD)!

Selepas empat tahun menunggu akibat pandemik COVID-19, akhirnya Hari Belia Sedunia (WYD) 2023 di Lisbon, Portugal bermula pada Ogos 1 dan telah melabuhkan tirainya pada Ogos 6.

Sudah tentu, ketika artikel ini ditulis, WYD masih rancak berlangsung. Melalui media sosial, saya melihat keterujaan jutaan kaum muda dari pelbagai negara, bergabung memuliakan Tuhan.

Apa yang membuatkan saya teruja ialah pada WYD kali ini, dianjurkan pertemuan sedunia kali pertama para penginjil dan misionari digital dunia.

Wah! Penginjil dan misionari digital? Siapakah mereka? Kita semua, lebih-lebih lagi umat yang telah dibaptis, adalah penginjil dan misionari digital apabila kita memanfaatkan sarana digital bagi tujuan mewartakan kerajaan Tuhan khususnya mereka yang belum mengenal Kristus dan jiwa-jiwa yang hilang, dengan harapan dapat membawa mereka kembali kepada Penyelamat mereka — Yesus Kristus.

Semasa mengendalikan bengkel media baru-baru ini, beberapa orang belia telah muncul dengan idea mahu memberitahu kepada orang ramai tentang beberapa *games* dalam talian yang berbahaya.

Menurut laporan *missionfrontiers*, *games* dalam talian adalah fenomena global. 3.2 bilion orang di dunia bermain *games* dalam talian. Juga kita semua pernah mendengar tentang *metaverse* yang semakin meningkat. Walaupun bukan arus perdana, berjuta-juta orang sedang menerokai realiti maya (VR) ini.

Berbalik kepada pertemuan pertama para penginjil dan misionari digital di acara WYD, acara ini bertujuan untuk meraikan dan menyatakan rasa terima kasih atas karya-karya penginjil hebat yang dijalankan setiap hari oleh pemengaruh (*influencer*) dan misionari digital dari lima benua ini, yang menyampaikan Injil melalui platform media sosial mereka.

Saya juga berbangga dengan penganjuran Pesta Belia di beberapa Keuskupan di Malaysia, yang kebanyakannya akan dilaksanakan pada cuti sekolah penggal dua di mana sesi peranan media digital dalam penginjilan turut diselitkan.

### Selepas WYD 2023

Pesta Transfigurasi mempunyai pesan yang mendalam untuk kita semua. Betapa meriahnya WYD atau mana-mana Pesta/Khemah/Temasya belia, sama seperti Yesus berpesan kepada Petrus, Yakobus, dan Yohanes, bahawa mereka tidak boleh hidup di atas pengalaman puncak gunung sahaja.

Kemeriahan sambutan WYD peringkat dunia dan Hari Belia peringkat Keuskupan/Paroki boleh hilang dengan cepat, tidak kira betapa hebatnya sambutan.

Selepas kembali ke rumah, WYD di Lisbon merupakan permulaan fasa seterusnya dalam perjalanan iman sepanjang hayat. Seperti yang dikatakan oleh Sri Paus Fransiskus kepada belia sempena WYD di Krakow 2016, “Sungguh mengagumkan untuk mengambil bahagian dalam WYD, tetapi sekarang anda mesti pergi, sekarang anda mesti menyampaikan pengalaman ini kepada orang lain. Yesus memanggil anda untuk menjadi seorang rasul dengan misi!”

### KENYATAAN MISI HERALD

*HERALD* adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

## Dua Paroki bergabung dalam Pra-Perhimpunan Awal Diosis Keningau

KUALA PENYU: Dua paroki iaitu Paroki St Peter, Bundu dan Paroki St Patrick, Membakut telah bergabung dalam Pra-Perhimpunan Awal Umat Katolik ke-12 (Pra-PUKAT) di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Purun, baru-baru ini.

Seramai 182 orang peserta menghadiri Pra-PUKAT ini yang dimulakan dengan upacara Pentakhtaan Alkitab oleh Fr David Gasikol.

Ini diikuti dengan ucapan aluan oleh Uskup Cornelius Piong yang menekankan tiga perkara utama iaitu membangun gereja bemula dengan keluarga, memelihara bumi sebagai rumah kita bersama dan membangun masyarakat yang harmoni (madani).

Sesi pertama dikendalikan oleh Fr David Gasikol yang menerangkan Sejarah Perjalanan Gereja Sinodal. Dalam sesi ini, umat di beri penjelasan tentang halatuju Kesukupan Keningau, sejarah ringkas tentang Diosis Keuskupan Keningau dan tema-tema dari



PUKAT kali pertama hingga PUKAT ke-11.

"Sinodaliti Keuskupan Keningau" yang disampaikan oleh Sdra Patrick Marius memberi pencerahan tentang erti Sinodal, tujuan utama, hasil dan bagaimana PUKAT dilaksanakan."

Kemudian beliau menerangkan empat fokus utama dalam Program

Pastoral Menuju MPC 2026 (Konvensi Pastoral Malaysia 2026) iaitu keluarga, Gereja, sosial dan ekologi.

Empat dokumen Sri Paus Fransiskus yang menjadi panduan untuk program-program Keuskupan Keningau diperkenalkan oleh Sdri Rita Titing.

Dokumen-dokumen tersebut ialah

*Evangelii Gaudium* (Sukacita Injil), *Amoris Laetitia*, *Fratelli Tutti* dan *Laudato Si*.

Dalam sesi terakhir oleh Sdra Patrick Marius iaitu Penilaian Pastoral, para perwakilan dibimbing cara menilai menggunakan Kaedah Penilaian Pastoral yang melibatkan 3M iaitu Melihat, Menilai dan Melaksana.

Diingatkan juga agar setiap perwakilan apabila melakukan penilaian di peringkat paroki masing-masing untuk bersedia menerima realiti dengan hati yang terbuka.

Bermula dengan soalan-soalan seperti bilakah Kesukupan Keningau ditubuhkan? Berapa kali PUKAT telah diadakan? Kenapa PUKAT diadakan? — Fr Clement Abel dalam sesi pengulangan, menyatakan kesyukuran kerana selepas 30 tahun berjalan bersama, Keuskupan Keningau menjadi lebih dewasa dan mantap.

Paderi Paroki Kuala Penyu itu menyarankan agar apabila perwakilan kembali ke paroki masing-masing, gunakan kaedah-kaedah penilaian untuk menilai setakat mana kejayaan untuk merealisasikan harapan-harapan yang telah diatur dan dibincangkan untuk mencapai Visi dan Misi keuskupan dengan memohon binbangan Roh Kudus. — *Stella Eming Dydimus*

## Empat paderi sambut ulang tahun pentahbisan serentak



LIMBAHAU: "Merayakan ulang tahun pentahbisan empat paderi dan upacara kesyukuran seorang paderi yang baharu ditahbis menandakan keindahan Ekaristi."

"Melalui Ekaristi, kita diingatkan bahawa Tuhan itu sudah bangkit dan Dia bersama-sama dengan kita. Oleh itu, dengan tertahbisnya seorang paderi, ini bermakna kita akan sentiasa bersatu dengan Tuhan dan sesama melalui Ekaristi," demikian kata Fr Terans Thadeus, salah seorang paderi yang merayakan ulang tahun kepaderian kali pertama, pada Julai 31, di Gereja Holy Rosary, Limbahau, Papar.

Fr Terans yang ditahbis pada Julai 16, 2022 merayakan ulang tahun imamat pertama bersama tiga lagi rakan paderinya iaitu Fr Lasius Gantis (Ogos 4, 2022) dan Friar Gerard Terence Saimel OFM (Julai 2, 2022) yang masing-masing menyambut ulang tahun pentah-

*Lima paderi (dari kiri Fr Elvost, Fr Terans, Friar Gerard, Fr Lasius dan Friar Arul) yang diraikan pada Julai 31, 2023 sedang merayakan Ekaristi bersama.*

bisan pertama serta ulang tahun kepaderian Friar Arul S Mariadass OFM yang ke-26 tahun. Friar Arul ditahbis pada Julai 18, 1997.

Turut diraikan pada hari itu ialah kesyukuran sempena pentahbisan Fr Elvost Lunchi MHM yang ditahbis pada Julai 22, 2023 di Gereja yang sama.

Perayaan Ekaristi lima dalam satu ini dipimpin oleh Fr Gerard OFM yang turut dihadiri oleh Msgr Nicholas Stephen, Fr Sylvester Wong, Fr Joshua Liew dan Fr Aloysius Fidelis.

Homili disampaikan oleh Fr Elvost MHM yang "bagaimana mengasihi? Apakah itu kasih. Saya menyayangi ibu bapa dan orang-orang sekeliling tetapi tetap ada pertelingkahan dan perselisihan.

Oleh itu, Fr Elvost menumpukan kasih Tuhan yang sangat

unggul. Kasih manusia terhadap Tuhan belum sempurna. Kerana kita semua adalah penziarah yang sedang menuju jalan kekudusan.

"Mari kita fokus kepada kasih Tuhan, kita tidak dapat berpisah dengan Seorang yang sangat mencintai kita, yang turun ke dunia untuk menjadi manusia dalam segala aspek seperti kita kecuali dosa, mengalami segala penderitaan dan sengsara sehinggalah wafat di kayu Salib. Ini adalah kasih Tuhan sehingga sanggup memberikan nyawa."

"Kasih-Nya tidak berakhir di kayu Salib, tetapi bangkit dan hidup bersama kita hingga akhir hayat." Selepas Misa Kudus, para paderi dan umat beredar ke Dewan Fr Augustine Amandus untuk acara makan bersama dan meraikan ulang tahun kelahiran Fr Joshua Liew.

## Pelayanan pastoral untuk orang-orang pekak tidak boleh diabaikan

GENTING HIGHLANDS: Seorang paderi Ordo Suci Sto Fransiskus dari Singapura telah datang ke Malaysia untuk memimpin retreat bagi para Pelayanan Katolik untuk Orang Pekak (CMfD).

Fr Rowland Yeo Teck Heng, merupakan paderi Katolik pertama di Asia Tenggara yang melayani Pelayanan Katolik untuk orang-orang pekak di seluruh benua.

Beliau berbicara tentang ajaran-ajaran teologi yang dibahagikan dalam beberapa sesi tentang Berkat dan Sakramen-sakramen, Wabak, Perjamuan Malam Terakhir, Musa dan Yesus, Roti Kehidupan dan sebagainya.

Paderi itu berpesan kepada ahli-ahli CMfD agar saling mendoakan antara satu dengan yang lain, menyokong ahli-ahli sepelayanan demi kebaikan dan kesejahteraan bersama lebih-lebih lagi bagi golongan Katolik yang bermasalah

pendengaran.

Melalui topik-topik yang disampaikan, para peserta memperdalamkan pengetahuan mereka bahawa iman Katolik telah memainkan peranan penting dalam sejarah manusia khususnya dalam bidang pendidikan, kesihatan dan sosial.

Fr Rowland juga menyatakan harapannya agar semakin ramai paderi yang menyedari keperluan rohani orang-orang pekak.

Katanya, pada masa ini, amat diperlukan para paderi yang tahu berbahasa isyarat agar golongan kurang pendengaran boleh mengikuti Misa Kudus dan melakukan Sakramen Pengakuan.

Retret pada hujung minggu itu telah membawa kebangkitan dan kesegaran iman di kalangan CMfD serta memperbaharui keinginan untuk meneruskan pelayanan untuk golongan pekak.

